

BAB 2 : GERAKAN NASIONALISME TAHAP I : RIZAL DAN GERAKAN PASIF

2.1 Latar Belakang Gerakan Pasif

Gerakan nasionalisme di Filipina bermula dengan perjuangan secara pasif.¹ Perjuangan secara pasif di Filipina adalah bertujuan untuk menuntut pembaharuan dari segi persamaan hak, kebebasan bersuara, asimilasi penduduk dan menjadikan Filipina sebahagian daripada wilayah Sepanyol. Ini menunjukkan bahawa istilah pasif yang dimaksudkan hanyalah merujuk kepada cara dan matlamat perjuangannya sedangkan dari segi realitinya mereka sudah mula menampakkan kematangan memperjuangkan satu *motherland* yang sama. Di mana pejuang-pejuang nasionalisme pada tahap ini melihat negara Sepanyol sebagai *motherland* dalam perjuangan hak-hak orang Filipina dengan cara asimilasi.

Golongan *ilustrado* memainkan peranan penting dalam perjuangan nasionalisme secara pasif. Kempen propaganda ini dipelopori oleh golongan *ilustrado* kerana mereka yang dapat berfikir tentang kebijakan masyarakat dan perlunya perubahan politik.² Di samping itu kebanyakannya golongan propagandis juga adalah mangsa dari zaman *Filibusterismo*³ yang tidak sabar untuk menuntut keadilan. Kebanyakannya juga yang berada dalam buangan selepas peristiwa 1872, terpaksa meneruskan hidup di luar negara khasnya di Eropah. Golongan kaya dan intelektual Filipina pada zaman ini menjadi golongan reformis untuk mendapat satu pembaruan secara keamanan.⁴ Mereka

¹ Perkembangan idea nasionalisme di Filipina dapat dilihat dalam dua tahap iaitu tahap pasif dan tahap aktif. Nasionalisme pasif biasanya ditonjolkan melalui media, pendidikan dan kesusastraan. Manakala nasionalisme aktif adalah bertujuan untuk menuntut kebebasan mutlak dari Sepanyol iaitu kemerdekaan daripada belenggu penjajahan. Rujuk Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 5.

² Onofre D. Corpuz, *The Roots of Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 191.

³ *Filibusterismo* - iaitu zaman selepas Pemberontakan Cavite dimana orang-orang Filipina yang disyaki sebagai pejuang kebangsaan ditangkap dan dihukum oleh penjajah Sepanyol. Di samping itu orang yang tidak bersalah dibunuh dengan kejam dan ratusan orang dipenjara dan dibuang negeri.

⁴ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 19.

membangkitkan kesedaran nasionalisme melalui penulisan artikel-artikel dan karya-karya yang bernalas. Usaha-usaha yang diambil oleh golongan *ilustrado* ini telah membawa kepada kelahiran gerakan propaganda.⁵

Menurut Onofre D. Corpuz melalui propagandalah penentangan dapat dilakukan terhadap sesuatu sistem sosial atau rejim yang sedia kukuh. Propaganda memecahkan batas-batas pemencilan yang sedia wujud. Hakikat penderitaan masyarakat, kini telah menjadi pengetahuan umum. Propaganda boleh mentransformasikan pengetahuan satu kumpulan minoriti kepada pendapat majoriti Ini terjadi apabila mereka berjaya membawa isu penindasan ini kepada pengetahuan pihak massa.⁶ Dalam tempoh masa gerakan propaganda golongan *ilustrado* telah mengambil peranan untuk menyebarkan idea penindasan penjajah Sepanyol kepada pengetahuan umum. Seterusnya idea ini telah disampaikan kepada golongan massa. Pada peringkat awal perjuangan golongan *ilustrado* melalui gerakan propaganda digolongkan sebagai perjuangan pasif. Apabila perjuangan dari golongan *ilustrado* diambil alih oleh golongan massa, corak perjuangan telah berubah menjadi aktif.

Perjuangan secara pasif telah dipelopori oleh Jose Rizal.⁷ Beliau tidak mahu suatu revolusi dan orang Filipina tidak digalakkan melakukan sebarang bentuk tindakan agresif.⁸ Dengan kata lain, gerakan propaganda lebih dipentingkan dengan harapan Sepanyol akan menerima orang Filipina sebagai rakyat Sepanyol. Dalam konteks ini Sepanyol dilihat sebagai *motherland* oleh Rizal dan golongan propagandis. Rizal adalah seorang reformis

⁵ Zaman daripada pemberontakan Cavite 1872 hingga meletusnya Revolusi Filipina 1896 disebut sebagai period propaganda dalam sejarah Filipina. Gerakan propaganda dikategorikan nasionalisme pasif memandangkan pada jangka masa itu tidak berlaku sebarang kebangkitan untuk menentang penjajahan.

⁶ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 190.

⁷ Nama penuh beliau ialah Jose Protasio Rizal Mercado Y. Alonzo. Beliau dilahirkan pada 19 Jun 1861 di Calamba. Jose Rizal adalah anak ke - 7 kepada Francisco Mercado Rizal dan Teodora Alonso Quinros. Rizal ialah seorang *Mestizo* Cina. Sila rujuk Rafael Palma, *The Pride of the Malay Race*, (terjemahan oleh Roman Ozaeta), Quezon City : Ken Incorporated, 1996, hlm. 7.

⁸ Renato Constantino, "Veneration Without Understanding", dalam *The Third Annual Jose P. Rizal Lectures*, Manila : National Historical Commission, 1970, hlm. 3.

yang lebih mengutamakan pemikiran liberal, kebebasan, persamaan hak dan sebagainya. Beberapa pengalaman yang dialami dalam hidupnya telah mendorong beliau menjadi reformis. Rizal pernah mendapat pendidikan peringkat tinggi di Universiti Santo Tomas. Pada 3 Mei 1882, beliau telah meninggalkan negara untuk meneruskan pelajarannya di Sepanyol dalam bidang perubatan. Kebolehan menguasai 21 bahasa adalah bukti kebijaksanaan beliau. Berdasarkan kebolehan seumpama inilah, Rizal dapat menyedari bangsanya sendiri sedang ditindas oleh penjajah Sepanyol. Kebencian dan ketidakpuasan hati beliau banyak dipengaruhi oleh pengalaman pahit yang dilalui di Filipina.⁹

Peristiwa penahanan dan pembunuhan paderi Gomez, Burgos dan Zamora pada tahun 1872 telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepada Rizal.¹⁰

*"Without 1872 Rizal would be a Jesuit today; instead of writing *Noli Me Tangere* he would have written something quite the opposite. The knowledge of that injustice and cruelty stirred my imagination even as a boy, and I swore to dedicate myself to avenging those victims someday.... May God grant me the opportunity one day to fulfil my vow."¹¹*

Pengalaman yang dialaminya ketika berada di Eropah banyak membantu beliau memahami erti kemerdekaan dan kebebasan. Suasana liberal di Sepanyol dan beberapa negara yang dilawatinya sebelum kembali ke Filipina pada tahun 1887 telah membawa

⁹ Rizal sudah biasa dengan ketidakadilan dan diskriminasi di Filipina. Ketika beliau berusia 10 tahun, beliau telah menyaksikan sendiri peristiwa penahanan ibunya atas tuduhan cuba meracun seorang saudara. Walaupun tidak ada bukti yang jelas beliau telah ditahan dan diarak ke penjara yang terletak 30 km jauhnya. Walaupun banyak bukti menunjukkan beliau tidak bersalah beliau telah dipenjarakan selama 2 tahun. Beliau sendiri pernah mengalami pengalaman pahit apabila dipukul oleh seorang pegawai Sepanyol kerana tidak memberi salam kepadanya. Rizal yang sangat marah terus ke istana untuk berjumpa dengan Gabenor Jeneral Fernando Primo de Rivera dan menuntut keadilan. Tetapi Rizal tidak dapat pengadilan daripada Gabenor Jeneral. Insiden ini memberi impak yang mendalam kepada dirinya. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op. cit.*, hlm. 147.

¹⁰ Walaupun ketika peristiwa itu berlaku beliau hanya berumur 11 tahun tetapi abangnya Paciano yang pernah tinggal bersama dengan Father Burgos pada masa itu telah memberikan gambaran yang jelas tentang ketidakadilan peristiwa pembunuhan tersebut kepada Rizal. Sila rujuk Bernhard Dahm, *Rizal and Gandhi, Purification and Satyagraha as Signposts on the Road to Asian Renaissance*, Kuala Lumpur 1995, hlm. 3.

¹¹ *Ibid.*

perubahan dalam pemikiran Rizal.¹² Hubungan rapat Rizal bukanlah dengan Sepanyol sahaja malah beliau berjaya menjalinkan hubungan dengan banyak negara.¹³

Melihat sendiri keadaan di Eropah serta prinsip kebebasan yang diamalkan meninggalkan kesan yang cukup besar terhadap Rizal. Maka tidak hairanlah sekiranya beliau berkecenderungan untuk menjadikan negaranya sendiri sebagai pewaris ideologi politik yang mempengaruhinya semasa berada di Eropah. Perlu diingat gerakan nasionalisme di Filipina bermula lebih awal berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Ketika negara-negara tersebut berada di peringkat pertengahan penjajahan, penduduk Filipina pula berada di peringkat akhir di mana mereka sudah bersedia untuk membentuk kerajaan sendiri. Ini menyebabkan ketiadaan satu sumber tempatan di rantau ini dijadikan panduan para nasionalis Filipina. Pada masa ini belum tercetus peristiwa kemenangan Jepun terhadap Russia.¹⁴ Kuasa barat masih dipandang unggul. Segala apa yang berlaku haruslah berkisarkan pengaruh Barat. Dengan keadaan seumpama ini tidak hairanlah jika Rizal dan pejuang lain melihat negara Eropah sebagai model politik mereka. Dapatlah dirumuskan bahawa negara Barat dipandang terlalu tinggi pada tahap ini dan segala aktiviti pejuang Filipina tidak mempunyai model tempatan untuk dijadikan panduan dalam segala tuntutan mereka.

¹² Ibid.

¹³ Cara dia dibesarkan, agama yang dianuti serta pendidikan yang diterimanya menyebabkan beliau begitu selesa di negara-negara Eropah yang lain. Beliau telah melawat Perancis, Jerman, Austria, Switzerzland dan Itali. Beliau telah mempelajari bahasa mereka dengan mudah dan mendapat jaminan daripada negara-negara tersebut yang berjanji akan membantu Filipina untuk mencapai masa depan yang lebih cerah. Ibid., hlm. 4.

¹⁴ Perang Russia – tercetus pada tahun 1905. Jepun telah mengejutkan dunia dengan menewaskan Russia, sebuah kuasa unggul yang cukup kuat. Kemenangan Jepun membuka mata negara-negara Asia bahawa kuasa Barat sebenarnya boleh dikalahkan.

Selain itu, idea Rizal boleh diibaratkan sebagai mirip kepada ideologi Mahatma Gandhi¹⁵ yang memegang prinsip-prinsip anti keganasan atau *Sathyagraha*¹⁶ (berpegang kepada kebenaran) yang disarankan olehnya.¹⁷ Dalam penulisan Gandhi yang bertajuk "*Hind Swaraj*" (1909) beliau menekankan bahawa bagi menjadi pejuang pasif negara, seseorang itu harus mengamalkan kesucian, menjalani kehidupan miskin, mengikuti jalan benar dan menyesuaikan rasa tidak takut dalam diri mereka.¹⁸ Konsep-konsep ini kita dapat lihat dalam diri Rizal. Dalam surat-surat Rizal sendiri, banyak ditulis mengenai keperluan diri bagi membaiki kehidupan rakyat jelata, Dalam novel *El Filibusterismo* ada dinyatakan :

"... we must win our freedom by deserving it, by improving the mind and enhancing the dignity of the individual, living what is just, what is good, what is great, to the point of dying for it. When a people reach these heights, God provides the weapon and the idols and the tyrants fall like a house of cards."¹⁹

Rizal menyedari bahawa bukan negara Sepanyol tetapi Tuhanlah penyelamat mereka. Tetapi Tuhan menuntut kejujuran, kesucian hati dan kesedaran mengorbankan kepentingan diri. Inilah yang dimaksudkan dengan penyucian seperti yang diutarakan dalam novel dan surat-surat Rizal. Ini adalah sama dengan gerakan *Satyagraha* yang dilaung-laungkan oleh Gandhi. Jadi Rizal boleh diibaratkan sebagai pengikut ideologi Gandhi yang ideal. Ketika Rizal menganatosi buku Antonio de Morga yang berjudul *Sucesos de Las Islas Filipinas* di London pada tahun 1888 Gandhi juga berada di situ. Tetapi kita tidak ada bukti sama ada mereka bertemu.²⁰ Gandhi lebih suka menggunakan

¹⁵ Mahatma Gandhi - Lahir pada 2 Oktober 1869 di Gujerat, India. Beliau adalah Bapa Kemerdekaan India. Dengan berpegang kepada konsep anti keganasan Sathyagraha, beliau berjaya mendapatkan kemerdekaan India daripada penjajah British pada tahun 1947.

¹⁶ Sathyagraha - teknik penentangan secara keamanan melalui kesucian dan pengorbanan diri. Sila rujuk Anup Chand Kapur, *Principles of Political Science*, Madras : S. Chand & Co., 1967, hlm. 697.

¹⁷ Bernhard Dahm, *op.cit.*, hlm. 15.

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 13.

¹⁹ Jose Rizal, *El Filibusterismo*, {terjemahan Leon Ma. Guerrero}, London : Longmans, Green and Co. Ltd., 1965, hlm. 297.

²⁰ Bernhard Dahm, *op.cit.*, hlm. 10.

istilah "Sathyagraha" iaitu berpegang kepada kebenaran daripada istilah pejuang pasif dalam perjuangan beliau. Rizal seperti Gandhi juga turut menekankan pengorbanan diri bagi menyelamatkan orang lain. Prinsip Rizal tanpa kekerasan inilah yang dapat kita lihat dalam Gerakan Propaganda.

2.2 Pembaharuan Yang Diperjuangkan Oleh Rizal

Rizal telah menggariskan matlamat gerakan propaganda untuk kepentingan orang Filipina. Antaranya ialah menuntut perwakilan tetap dalam *Cortes* (Parlimen) Sepanyol yang telah ditarik balik akibat pemansuhan Perlembagaan pada tahun 1812 dan dihidupkan semula pada tahun 1821 dan 1837 tetapi kemudiannya telah dimansuhkan semula.²¹ Rizal menuntut perwakilan dalam *Cortes* Sepanyol dengan harapan segala keperluan rakyat dan penyalahgunaan kuasa boleh dibangkitkan dalam parlimen. Kedua, menuntut semua kariah diletakkan di bawah pentadbiran paderi tempatan. Paderi Sepanyol perlu kembali ke biara masing-masing seperti yang ditentukan oleh pejabat kolonial.²² Ketiga, pendidikan sekolah rendah yang lebih luas dan terancang kepada semua wilayah mengikut dikri pendidikan 1863 perlu dilaksanakan. Tenaga pengajar harus ditingkatkan gaji mereka. Sekolah mestilah bebas daripada kawalan golongan paderi. Keempat, pembaruan di semua peringkat pentadbiran perlu dilakukan secara bermoral. Kelima, pembahagian seimbang dalam jawatan kerajaan antara orang Filipina dengan orang Sepanyol.²³ Seterusnya keadilan mahkamah yang sama rata bagi orang Filipina dan Sepanyol, mewujudkan institusi pembaruan yang sah, kebebasan bersuara, menerbitkan akhbar dan kebenaran untuk mengadakan perhimpunan atau persatuan serta hak asasi individu.

²¹ Leopoldo Y. Yabes, Jose Rizal on his Centenary, Quezon City : University of the Philippines, 1963, hlm. 110.

²² Pentadbiran kariah sebenarnya adalah milik paderi sekular dan bukan milik golongan friar. Ibid.

²³ Ibid., hlm. 111.

Daripada matlamat tersebut didapati bahawa konsep pembaruan (reform) Filipina pada masa itu ialah masih kekal sebagai koloni tetapi mendesak persamaan hak dan wakil mereka di *Cortes* Sepanyol. Dengan ini kita dapati Filipina masih sebagai salah satu provinsi Sepanyol dan gerakan propaganda awal adalah untuk mencapai asimilasi. Tujuan golongan propagandis bukanlah untuk pemisahan tetapi untuk memperoleh keamanan dan asimilasi.²⁴ Dengan ini juga jelas bahawa golongan propaganda berpegang kepada prinsip anti keganasan Rizal.

Pada peringkat awal ini mereka tidak mengambil langkah-langkah yang radikal untuk mencapai kemerdekaan kerana golongan propagandis percaya bahawa mereka akan mendapat lebih banyak keuntungan jika menjadi warganegara Sepanyol. Mereka yakin boleh memperoleh hak-hak istimewa daripada kerajaan Sepanyol. Sebagai warganegara Sepanyol mereka berharap dapat mewakili dalam *Cortes* dan boleh menubuahkan undang-undang yang paling sesuai bagi negara mereka. Sebagai warganegara Sepanyol mereka juga akan dikecualikan daripada bayaran cukai tinggi. Secara umumnya golongan pertengahan ini mengharapkan proses asimilasi di kalangan orang Filipina.²⁵ Dalam konteks inilah Sepanyol dilihat sebagai *motherland* oleh Rizal dan golongan propagandis.

2.3 Peranan Golongan *Ilustrado* Dalam Penyebaran Idea *Motherland*

Idea Rizal memerlukan sokongan daripada penduduk tempatan. Dalam hal ini, golongan *ilustrado* telah memainkan peranan penting sebagai penggerak dan penyebar idea tersebut. Gerakan pembaruan bergantung kepada pelajar-pelajar dan pemuda-pemuda serta

²⁴ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 119.

²⁵ Eufronio M. Alip, *op.cit.*, hlm. 97.

anak-anak keluarga kelas atasan Filipina.²⁶ Ramai ibu bapa kelas atasan menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk menyelamatkan mereka daripada dikecam golongan pentadbir dan paderi Sepanyol. Kebanyakan pemuda ini terlibat dalam kempen di luar negara yang biasanya bertumpu di Sepanyol, memandangkan di sini mereka tidak akan ada konfrantasi antara golongan paderi Sepanyol atau rejim Sepanyol seperti di Manila.²⁷

Mereka semua ini mengorganisasi kumpulan pembaruan selepas revolusi 1868 di Sepanyol.²⁸ Mereka dapat lihat perkembangan yang berlaku di Sepanyol yang boleh diperkembangkan di Filipina melalui cara keamanan mengenai hak sivil dan politik daripada perlembagaan baru Sepanyol. Mereka menerima Filipina sebagai tempat lahir dan Sepanyol dilihat sebagai *motherland* serta menganggap Filipina sebagai anak kepada Sepanyol.²⁹

“They had grasped the truth that Filipinas was the land of their birth, but Spain remained the Patria or *motherland*; they explicitly saw Filipinas as la hija de Madre Espana, the daughter of Mother Spain.³⁰

Menjadikan Sepanyol sebagai *motherland* tidak pula bermakna mengabaikan kesetiaan terhadap Filipina. Sebaliknya segala tuntutan dan perjuangan adalah atas sifat cinta terhadap negara mereka sendiri yang pada masa itu lebih sesuai digelar sebagai “anak” yang masih banyak bergantung kepada penjajahnya. Pada tahap ini mereka masih menaruh harapan untuk mendapatkan persamaan dalam segala bidang daripada penjajah

²⁶ Perkembangan penduduk yang berlaku sejak tahun 1760 telah membawa kepada kemunculan suatu kelas baru iaitu *Mestizo* Cina di Filipina. Pada tahun 1818 pula mengikut laporan penduduk, muncul suatu kelas yang lebih minoriti iaitu orang Sepanyol yang lahir di Filipina yang digelar sebagai golongan *principalia*. Hanya pada tahun 1860 anak-anak kepada golongan kelas atasan dan *Mestizo* Cina dan *Mestizo* Sepanyol serta sebilangan golongan *principalia* melihat diri mereka sebagai bangsa Filipino. Perlu diingat kesemua mereka ini lahir di Filipina tetapi mereka semua hanya seakan-akan orang Filipina sahaja. *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*, hlm. 121.

²⁸ Selepas revolusi 1868 di Sepanyol, sistem monarki ditamakan dan bermula pemerintahan liberal.

²⁹ Eufronio M. Alip, *op.cit.*, hlm. 97.

³⁰ Onofre D. Corpuz, Rizal : *The First Filipino*, International Conference on Jose and the Asian Renaissance, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 2.

mereka. Ini menampakkan keikhlasan pejuang nasionalisme Filipina yang menganggap tuntutan mereka adalah sesuatu yang tidak mustahil dicapai. Kalau pemikiran nasionalis Filipina adalah sedemikian rupa, *motherland* yang disanjungi mereka mempunyai konotasi yang berbeza. Bagi penjajah Sepanyol, Filipina tidak boleh dianggap “anak” yang layak diberikan segala keistimewaan seperti yang dinikmati oleh penduduk Sepanyol di negara asal. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa Filipina bukanlah anak kepada Sepanyol dan *Motherland* Sepanyol gagal memainkan peranan dalam erti kata sebenar.

Sebelum tahun 1892 orang Filipina memberikan aspirasi yang maksimum kepada implementasi pembaruan liberal di Filipina. Pada pertengahan abad ke 19, kempen ke arah sekularisasi oleh paderi pembantu menjadi kemuncak apabila gerakan pembaruan propaganda meluas di Sepanyol yang dipimpin oleh sekumpulan orang Filipina. Antara pejuang nasionalis adalah Father Pelaez (1812-1861), Father Burgos (1837-1872), Joaquin Pardo De Tavera (1829-1883), Marcelo H. del Pilar (1850-1896), Graciano Lopez Jaena (1856-1896), Antonio Luna, Mariano Ponce dan lain-lain lagi.³¹ Kesemua mereka ini digelar sebagai reformis dan bukan revolucionis kerana mereka hanya berusaha untuk mendapat pembaruan, kebajikan dan kemajuan orang Filipina dan tidak bercadang untuk pemisahan tetapi ingin setia kepada Sepanyol. Pada peringkat awal ini kegiatan mereka tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda bersifat revolusi.

Sebenarnya, bukan semua anak-anak golongan kaya pergi ke Sepanyol pada pertengahan abad ke 19 terlibat dalam gerakan propaganda. Ada yang hanya ke Sepanyol untuk memperoleh pendidikan tinggi dengan harapan pada suatu masa nanti mereka akan

³¹ Leandro H. Fernandez, *The Philippine Republic*, New York : Columbia University, 1926, hlm. 9.

kembali ke Filipina sebagai golongan profesional.³² Namun, bagi Rizal pula, pemergiannya ke Sepanyol bukan sahaja untuk menghindari kekejaman Sepanyol di Filipina. Sebaliknya beliau berhasrat untuk melanjutkan pendidikan di samping memenuhi aspirasi politik beliau.

2.4 Pengalaman Rizal di Eropah

Apabila Rizal sampai di Eropah, Rizal terkejut dengan golongan muda Filipina yang tiada satu kegiatan bersepadu dalam organisasi, mereka bergerak bebas tanpa matlamat dan ada yang terlibat dalam perjudian. Dengan itu Rizal menjadikan dirinya sebagai model untuk menyatukan orang-orang Filipina di Eropah iaitu di Sepanyol.

"He had chide these, but it was more in his nature to provide them a model through the discipline and direction of his personal life."³³

Kebolehan Rizal dalam pelbagai bidang telah ditonjolkan sejak awal lagi. Beliau menjadi terkenal di kalangan masyarakat dan pelajar Filipina yang berada di Sepanyol.³⁴ Umpamanya ketika belajar di Universidad Central de Madrid beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam semua mata pelajaran, dan ini menjadikan dirinya lebih menonjol daripada pelajar-pelajar yang lain.³⁵ Pada tahun 1884 di Madrid orang-orang Filipina telah mengadakan satu majlis untuk meraikan dua orang artis muda Filipina iaitu Juan Luna dan Felix Resurreccion Hidalgo kerana memenangi tempat pertama dan kedua dalam pertandingan seni lukis. Dalam majlis itu Rizal mendapat peluang untuk berucap. Ucapan beliau itu ditujukan kepada golongan muda agar mencintai Filipina dan menyanjung kedua-

³² Eufronio M. Alip, op.cit., hlm. 97.

³³ Ibid., hlm. 6.

³⁴ Exhibit 13, "Notes on Jose Rizal", dalam Philippines Insurrection Records (P.I.R.) (n.p.).

³⁵ Onofre D. Corpuz, Rizal : The First Filipino, op.cit., hlm. 6.

dua negara Filipina dan Sepanyol. Dalam ucapan itu Rizal telah menyampaikan hasrat untuk bersatu dengan Sepanyol iaitu melihat Sepanyol sebagai *motherland* dan Filipina sebagai anak kepada Sepanyol. Dengan itu Rizal menuntut Sepanyol harus memberikan hak asasi dan layanan sama dengan penuh keikhlasan kepada Filipina. Ucapan ini mendapat liputan besar dalam akhbar liberal di Madrid dan laporan juga sampai di Manila.³⁶ Kenyataan Rizal yang lantang menyatakan bahawa Sepanyol adalah *motherland* telah memeranjatkan orang Sepanyol dan orang Filipina sendiri. Ucapan beliau yang cukup berani ini telah menimbulkan kebimbangan ahli keluarganya sendiri yang menasihatnya agar tinggal lebih lama di Sepanyol.³⁷ Keberanian beliau untuk mengiktiraf Sepanyol sebagai *motherland* menunjukkan bahawa hasrat untuk melihat Sepanyol sebagai *motherland* bukan satu andaian, sebaliknya ia adalah sebuah realiti.

Seterusnya Rizal juga berpeluang untuk berinteraksi dengan tokoh-tokoh politik di Sepanyol. Melalui interaksi tersebut pemikiran Rizal banyak dipengaruhi oleh idea tokoh seperti Miguel Morayta,³⁸ iaitu seorang yang memperjuangkan pembaharuan melalui pertubuhan-pertubuhan *masonry*.³⁹ Morayta menjadi terkenal dan menjadi hero di kalangan pelajar-pelajar memandangkan beliau menentang kuat terhadap institusi kepaderian⁴⁰. Penentangan Morayta terhadap sistem kepaderian memberi satu inspirasi

³⁶ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 50.

³⁷ Surat Paciano kepada Jose Rizal bertarikh 5 November 1884, diambil daripada *Letters Between Rizal and Family Members*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 149-150.

³⁸ Miguel Morayta adalah seorang pendokong idea Republikan yang dianjurkan oleh Emilio Castelar. Morayta juga merupakan presiden Liga Anticlerical serta pensyarah universiti. Sebagai profesor Sejarah, beliau mengajar ramai orang Filipina termasuk Rizal sendiri. Beliau tertarik dengan ucapan Rizal dalam majlis meraikan Juan Luna dan Hidalgo.

³⁹ *Masonry* dibincangkan dalam bab 3.

⁴⁰ Miguel Morayta muncul sebagai pengkritik golongan paderi. Dalam kuliah pada hari perasmian akademik tahun 1884, Miguel Morayta mengkritik mengenai golongan paderi. Pelajar-pelajar juga mengadakan demonstrasi menentang sistem kepadian. Oleh sebab Morayta menyentuh mengenai elemen konservatif dalam gereja Sepanyol, beliau mendapat bantahan daripada para bishop dan bahan kuliah diarah dibakar serta reaktor universiti itu diarah bertukar. Sila rujuk Exhibit 13, P.I.R. *op.cit.*, dan Jose S. Arcilla, *Rizal and Philippine Colonial Problem*: International Conference on Jose Rizal and The Asian Renaissance, Kuala Lumpur 1995, hlm. 6.

kepada mereka untuk bersatu menentang Sepanyol. Selain daripada Morayta, Rizal juga dapat berkenalan dengan tokoh seperti Eusebio Corominas pemilik akhbar *Republik La Publicidad* dan tokoh Francisco Pi y Margall⁴¹ iaitu bekas presiden Republik pada tahun 1873 dan merupakan pemimpin republik persekutuan.⁴²

Rizal amat tertarik dengan idea Francisco Pi mengenai organisasi persekutuan di Sepanyol kerana beliau berpendapat idea tersebut sangat sesuai untuk dilaksanakan di Filipina.⁴³ Dengan itu Rizal mengadakan hubungan rapat dengan Francisco Pi dan sering mengunjunginya. Melalui hubungan dengan golongan pemikir liberal dan semangat *Enlightenment*⁴⁴ yang berkembang di Eropah, meningkatkan lagi sifat patriotik dalam diri Rizal. Beliau memikirkan cara untuk menerapkan idea liberal ini di Filipina. Dengan itu beliau bercadang untuk propagandakan kepada dunia tentang negara dan masyarakat Filipina, kejayaan-kejayaan yang dicapai, keadaan sebenar Filipina di bawah rejim Sepanyol dan hak orang Filipina untuk memperoleh aspirasi moral dan politik.⁴⁵ Untuk itu, beliau sedar alat propaganda yang paling berkesan ialah melalui penulisan.

2.5 Penulisan Rizal

Rizal percaya bahawa senjata yang paling berkesan untuk mengatasi musuh dan menegakkan hak orang-orang Filipina adalah melalui penulisan. Penulisan Rizal digunakan sebagai wacana untuk menuntut keadilan bagi masyarakat Filipina daripada penajah

⁴¹ Francisco Pi Y Margall - Presiden Republik Sepanyol yang hanya bertahan selama 6 bulan (1873-74). Beliau menyokong penuh pembaharuan yang dituntut oleh orang Filipina.

⁴² Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 56.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Enlightenment* – Falsafah abad ke - 18 yang mengutamakan keunggulan dan keupayaan akal dan panca indera manusia; anti agama kerana agama mementingkan kepercayaan kepada yang ghaib dan juga anti tradisi lama seperti sistem feudal dan institusi Gereja.

⁴⁵ Onofre D. Corpuz, *Rizal : The First Filipino*, *op.cit.*, hlm. 6.

Sepanyol. Rizal juga menulis dengan tujuan yang jelas iaitu untuk mendedahkan keadaan dan kehidupan orang Filipina kepada dunia luar. Di samping mendedahkan penindasan dan kekejaman Sepanyol dan golongan paderi Sepanyol, Rizal juga menonjolkan kejahilan, sikap buruk dan kepercayaan tahan masyarakat tempatan. Sebelum menulis untuk gerakan propaganda, Rizal telah pun menghasilkan karya-karya lebih awal yang dapat membangkitkan semangat patriotik di kalangan orang Filipina.

Hampir kesemua penulisan Rizal mempunyai nilai patriotisme yang dapat membangkitkan dan menyemarakkan semangat mencintai negara. Sebagai tanggungjawab untuk negara dan perpaduan bangsanya, patriotisme Rizal ditonjolkan dalam artikel pertama yang diterbitkan dalam akhbar *Diariong Tagalog* di Manila apabila sahaja sampai di luar negara. Artikel ini disiarkan semula di Sepanyol dalam akhbar *La Solidaridad* keluaran 31 Oktober 1890 bertajuk "Love of Country". Ia adalah permulaan membangkitkan dan menyemarakkan semangat cinta kepada *motherland*.⁴⁶ Usaha yang diambil untuk mendidik sentimen nasionalistik ini, adalah datang dari manifestasi dalam diri sendiri yang sudah ada dalam dirinya.⁴⁷

Dalam eseи Rizal "*La Indolencia de los Filipinos*" yang ditulis pada tahun 1890, Rizal mengeluh tentang ketiadaan kesedaran kebangsaan di kalangan penduduk tempatan dan beliau bersedih dengan keadaan masyarakat pada masa itu seperti "*a man in the Philippines is only an individual, he is not a member of a nation*".⁴⁸ Dalam artikel ini juga Rizal menyatakan kemalasan rakyat adalah berpunca daripada polisi penjajahan Sepanyol.

⁴⁶ Esteban A. De Ocampo, "Rizal, Pioneer Asian Nationalist and Freedom Fighter", dalam *The Second Annual Jose P. Rizal Lectures*, Manila : National Historical Commission, 1969, hlm. 28.

⁴⁷ Ricardo R. Pascual, *The Philosophy of Rizal*, Manila : Pedro B. Ayuda & Company, 1962, hlm. 88.

⁴⁸ Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 29.

Buruh paksa, polisi-polisi perdagangan yang menghalang barang tempatan menyaingi barang Sepanyol, kekejaman pihak pentadbiran awam dan kongkongan golongan agama adalah antara puncanya.⁴⁹ Rizal amat mementingkan pembentukan "national community" sebagai satu cara yang dapat menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan.

Rizal juga banyak menulis artikel untuk membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan orang Filipina. Antara artikel tersebut ialah "*The Philippines A Century Hence*". Artikel ini merupakan analisa sejarah sosial Filipina di bawah penjajahan Sepanyol.⁵⁰ Rakyat Filipina dipaksa menerima kebudayaan Sepanyol dan melenyapkan nilai-nilai tradisi lama. Melalui artikel ini, Rizal mengutuk kehidupan mereka yang mengikut ala Barat lalu memandang rendah terhadap bangsanya sendiri. Rizal juga menyentuh mengenai dasar Sepanyol memecahbelahkan rakyat dengan menyemaikan sifat regionalistik dalam diri mereka. Beliau berpendapat negara Filipina sepatutnya dijadikan sebahagian dari Sepanyol supaya orang tempatan dapat menikmati kebebasan dan keadilan melalui perwakilan dalam *Cortes* dan kebebasan berakhbar.⁵¹ Penulisan Rizal dalam "*The Philippines A Century Hence*" juga telah menyedarkan rakyat tempatan mengenai tipu helah yang diamalkan oleh rejim Sepanyol di negara mereka. Di samping itu, mereka turut dimanipulasi oleh golongan paderi. Segala amalan tradisi mereka dipandang hina. Kehadiran penjajah Sepanyol telah terbukti menambahkan kemunduran mereka. Orang-orang Filipina yang membaca penulisan Rizal ini sedar akan nasib malang yang menimpa mereka.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 32.

⁵⁰ Ricardo R. Pascual, *op.cit.*, hlm. 64.

⁵¹ Salvador Araneta, *Rizal and his Message*, Manila : Araneta University Press, 1962, hlm. 54.

Di sini kita boleh mengatakan bahawa artikel-artikel “*The Philippines A Century Hence*” dan “*La Indolencia de los Filipinos*” berjaya menyemaikan kesedaran kebangsaan dan sentimen perpaduan di kalangan orang tempatan. Akibatnya perjalanan gerakan popaganda bertambah aktif, dan akhbar *La Solidaridad* menjadi nadi penggerak kerana segala artikel berasas mengenai reformasi terkandung di dalamnya.

Tulisan lain Rizal yang membangkitkan kesedaran nasionalisme ialah “*Sucesos de las Islas Filipinas*”.⁵² Buku ini adalah satu kajian semula terhadap penulis Antonio de Morga kerana penulisan beliau hanya fokus kepada Sepanyol sahaja.⁵³ Beliau tidak fokus kepada unsur-unsur tempatan atau orang Filipina. Dengan sebab itu Rizal menulis kembali sejarah orang Filipina. Salah satu sebab utama Rizal melakukan kajian ini adalah untuk membangkitkan kesedaran penduduk tempatan tentang sejarah mereka yang lampau. Beliau berkata, “*our past known so as to better judge the present assess our movement in three centuries.*”⁵⁴ Baginya tradisi kebangsaan amat perlu untuk menyatukan rakyat. Bagi Rizal, kajian sejarah silam perlu untuk memberikan keyakinan dan kebanggaan kepada mereka. Jadi Rizal telah cuba menggunakan sejarah untuk mewujudkan kesedaran nasionalisme di kalangan orang Filipina.

Keberanian beliau mengetengahkan bangsa Filipina sebagai satu bangsa yang mempunyai sejarah yang gemilang dan bukan seperti apa yang digambarkan oleh Antonio de Morga, membolehkan rakyat meninjau kembali masa silam nenek moyang mereka

⁵² Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 34.

⁵³ Dalam tahun 1889, Rizal menganotasi semula “*Sucesos de las Islas Filipinas*” yang ditulis oleh Antonio de Morga pada tahun 1605. Buku ini mencerminkan usaha Rizal menulis kembali sejarah negara Filipina tanpa bersikap bias. Dari sudut histiografi, buku ini merupakan buku pertama mengenai sejarah negara Filipina yang ditulis oleh seorang tempatan. Ketika Rizal berada di London pada tahun 1888 beliau menyalin semula tulisan tersebut daripada muzium British. Sila rujuk Exhibit 13, P.I.R., *op.cit.*

⁵⁴ Roberto R. Concepcion, “Rizal and Philippine Culture”, dalam *The Seventh Annual Rizal Lectures*, Manila : National Historical Institute, 1975, hlm. 7.

dengan penuh kebanggaan. Sebelum kedatangan Sepanyol, orang Filipina mempunyai kebudayaan yang tinggi dan memiliki sistem ekonomi dan organisasi sosial yang tersendiri.⁵⁵ Timbul kesedaran untuk meneruskan dan memperjuangkan apa yang sepatutnya menjadi milik mereka dan menghalang sebarang usaha untuk mengubah tradisi kegemilangan mereka. Bagi beliau kemajuan sesebuah negara itu haruslah berdasarkan lunas-lunas tempatan serta tidak melampaui batas sehingga membawa kepada seseorang itu mempunyai tanggapan negatif terhadap bangsanya sendiri.

Kumpulan sasaran Rizal bukanlah golongan lelaki sahaja, malah kaum wanita juga dilibatkan sama. Wanita juga perlu memiliki sifat patriotisme dan sentimen kenegaraan.⁵⁶ Beliau mendesak kaum ibu agar mendidik dan membentuk anak-anak yang jujur dan berguna pada negara.⁵⁷ Dengan menonjolkan wanita sebagai satu kumpulan yang penting, Rizal telah menaikkan semangat serta memberikan kesedaran serta dorongan kepada kaum wanita Filipina untuk bersama-sama bangkit dan melibatkan diri secara aktif dalam menentukan hala tuju negara mereka.⁵⁸ Pengiktirafan sebegini sememangnya amat dihargai oleh golongan wanita. Ia adalah lambang wanita yang cuba dibentuk oleh Rizal untuk menentang kekejaman. Maka dapat dilihat wawasan Rizal yang begitu berpandangan jauh dengan melibatkan kaum wanita dalam aspek politik. Pada masa itu secara umum penglibatan wanita Asia adalah amat terhad dalam politik. Tidak kira lelaki atau perempuan mereka adalah warganegara Filipina dan sama-sama bertanggungjawab terhadap nasib bangsa.

⁵⁵ Horacio de la Costa, *The Background of Nationalism*, *op.cit.*, hlm. 32.

⁵⁶ Ricardo R. Pascual, *op.cit.*, hlm. 154-155.

⁵⁷ Eufronio M. Alip, "Jose Rizal, The Educator", dalam *The Journal of History*, Manila : Philippines National Historical, 1957, hlm. 11.

⁵⁸ Dalam surat kepada wanita di Malolos juga, kita dapat lihat sifat patriotik Rizal. Lelaki harus menghormati dan mencintai wanita bukan sahaja kerana kecantikkannya atau perlakunya tetapi juga kekuatan, semangat, dan juga kesucian hati yang seterusnya dapat memperkuatkan seseorang lelaki dari seterusnya menjadi wanita yang dibanggakan dan dihormati oleh orang lain. Dalam kata lain seorang wanita ideal bagi Rizal adalah seseorang yang dapat memajukan suaminya dan seterusnya bersama-sama membantu dalam pembangunan negara.

Sajak Rizal bertajuk "*A La Juventud Filipino*" (To The Filipino Youth)⁵⁹ pula ditujukan kepada golongan belia. Golongan belia dilihat sebagai harapan negara Filipina dan mereka perlu bertindak untuk membangunkan bangsa Filipina. Sajak ini memberikan impak yang besar ke atas belia Filipina. Kesan daripada sajak ini ramai pelajar Universiti Santo Tomas telah melibatkan diri dalam gerakan propaganda. Inspirasi dari sajak ini telah melahirkan tokoh-tokoh seperti Andres Bonifacio, Emilio Jacinto dan Pio Valenzuela yang lebih radikal dalam hal menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap rejim Sepanyol.

Maka, dapatlah dirumuskan bahawa sumbangan Rizal melalui penulisan sememangnya banyak. Perkara-perkara yang disentuh oleh beliau banyak berkisar ketidaksedaran penduduk tempatan dan penindasan pihak penjajah. Walaupun beliau telah menghasilkan banyak penulisan, dua buah novel yang ditulis oleh beliau merupakan sumbangan teragung beliau. Sumbangannya yang paling agung adalah novel "*Noli Me Tangere*" (Jangan Sentuh Aku) yang ditulis pada tahun 1887 di Jerman dan diikuti dengan novel "*El Filibusterismo*" (Revolusioner) pada tahun 1891 iaitu sebagai kesinambungan novel pertama.⁶⁰ *Noli Me Tangere* digelar sebagai novel pembaruan manakala *El Filibusterismo* digelar sebagai novel revolusi.⁶¹ Dalam halaman dedikasi Rizal secara jelas menyatakan bahawa, melalui novel *Noli Me Tangere* ini semua perkara mengenai keadaan negara Filipina yang sebenar, akan ditonjolkan agar kebenaran diketahui umum.⁶² Blumentritt, sahabat rapat Rizal telah merakamkan pendapatnya mengenai novel *Noli Me Tangere* dan telah memberi keyakinan kepada Rizal. Blumentritt menulis:

"Your work, as we Germans say, has been written with the blood of the heart and for this reason it speaks also to the heart... Your work has exceeded my expectations... Not only I but your people also can be called lucky for having

⁵⁹ Sajak berunsur patriotik ini ditulis oleh Rizal ketika belajar di Sekolah Ateneo de Manila pada tahun 1879 ketika berumur 18 tahun.

⁶⁰ Exhibit 13, P.I.R., op.cit.

⁶¹ Onofre D. Corpuz, Rizal : The First Filipino, op.cit, hlm. 11.

⁶² Ibid, hlm. 7.

in you a son and loyal patriot. If you will continue thus, you can become for your people one of those great men who will exert a definite influence on their spiritual development."⁶³

Dalam novel *Noli Me Tangere*, Rizal berjaya menganalisa serta mengutarakan keadaan-keadaan yang menyebabkan kepincangan dalam masyarakat Filipina yang benar-benar berlaku.⁶⁴ Pemilihan watak dilakukan dengan begitu teliti untuk menggambarkan keadaan sebenar. Umpamanya, melalui watak paderi Damaso, Rizal mendedahkan bagaimana golongan paderi Sepanyol yang sentiasa cuba menghalang sebarang bentuk pembangunan, terutamanya pendidikan kepada orang tempatan. Melalui watak Crisostomo Ibarra⁶⁵ pula, Rizal menekankan kepentingan pendidikan kepada orang Filipina.⁶⁶ Masyarakat Filipina yang membaca novel ini sedar bahawa hanya melalui pendidikan mereka dapat memahami mengenai penindasan, penipuan, kekejaman dan eksloitasi penjajah Sepanyol di Filipina. Jika masyarakat celik huruf, terutamanya dalam bahasa Sepanyol, maka mereka tidak akan dipermainkan dan diperbodohkan oleh penjajah Sepanyol.

Ketidakadilan dan salah guna kuasa oleh golongan paderi sememangnya mendapat perhatian dalam novel Rizal.⁶⁷ Masyarakat mula sedar bahawa golongan paderi yang

⁶³ Surat Blumentritt kepada Rizal bertarikh 27 Mac 1887, dipetik daripada The Rizal - Blumentritt Correspondence, Vol. II, Manila : Jose Rizal National Centennial Commission, 1961, hlm. 63.

⁶⁴ Cerita ini boleh juga kita kaitkan dengan keadaan sebenar yang berlaku pada tiga paderi yang dituduh bersuhabat dalam insiden Cavite. Oleh sebab mereka menuntut hak dalam kariah dan sekularisasi mereka dibunuh. Setiap kali orang tempatan cuba menuntut hak atau pembaruan, mereka akan disekat dengan tindakan kejam. Oleh sebab novel *Noli Me Tangere* refleksi kisah sebenar, ia cepat menyentuh hati dan sanubari orang Filipina khususnya di kalangan *La Liga Filipina*.

⁶⁵ *Noli Me Tangere* diperkembangkan di sekitar watak utama iaitu Crisostomo Ibarra yang melambangkan golongan *La Liga Filipina*. Ibarra yang mendapat pendidikan di Eropah kembali ke negara dengan bertujuan mendirikan sekolah. Dalam usaha memajukan masyarakat tempatan, Ibarra mengalami pelbagai ancaman dan kritikan daripada golongan paderi. Sehingga di suatu peringkat, Ibarra difitnah dan dipenjarakan kerana dikatakan terlibat dalam satu pemberontakan. Sila rujuk Jose Rizal, Noli Me Tangere, (terjemahan oleh Leon Ma Guerrero), London : Longmans, Green and Co. Ltd., 1961.

⁶⁶ Leon Ma Guerrero, The First Filipino, A Biography of Jose Rizal, Manila : National Historical Commission, 1971, hlm. 129.

⁶⁷ Golongan paderi sentiasa menghalang apa sahaja usaha yang diambil untuk memajukan dirinya dalam bidang pendidikan. Melalui novel ini, Rizal menyedarkan pembaca tentang taktik Sepanyol yang hanya menitikberatkan pendidikan teologi dalam bahasa Tagalog kepada penduduk Filipina. Bahasa Sepanyol tidak diajar kerana khawatir orang tempatan akan mempersoalkan penyelewengan dan ketidakadilan mereka. Jadi, Rizal sedar bahawa pendidikan teologi merupakan satu cara yang paling berkesan dalam mengawal masyarakat Filipina supaya tidak menentang rejim Sepanyol.

dianggap mulia selama ini adalah penipu belaka. Orang Filipina dipaksa mematuhi arahan golongan paderi. Jika tidak, mereka akan dibuang daerah atas alasan menuntut hak asasi. Kekejaman sebenar seperti ini dipaparkan melalui watak paderi Damaso dan paderi Salvi. Memandangkan orang Filipina yang menjadi mangsa penindasan dan ketidakadilan, apabila membaca bahagian ini, membabitkan lagi benih kebencian terhadap penjajah.

Melalui satu lagi watak iaitu Elias, Rizal mendedahkan kekejaman yang dilakukan oleh penjajah Sepanyol. Watak Elias yang digambarkan sebagai orang yang berpendidikan rendah adalah melambangkan rakyat bawahan. Dalam novel ini, ibu Elias dipukul dan diseksa oleh penjajah Sepanyol sehingga membawa kepada kematian. Akibat pengalaman hidupnya, beliau mula membenci kehidupan sosial tempat tinggalnya. Keadaan Elias ini mencerminkan nasib malang yang menimpa rakyat Filipina. Kisah nasib malang ibu Elias dalam novel ini sebenarnya adalah penyeksaan sebenar dilakukan kepada ibu Rizal yang difitnah dan dipenjarakan oleh pentadbir Sepanyol. Pendedahan kisah sebenar seperti ini menyentuh hati dan sanubari serta menaikkan lagi perasaan anti penjajahan orang Filipina khususnya di kalangan golongan *ilustrado*.

Novel kedua Rizal iaitu *El Filibusterismo* membincangkan mengenai nasionalisme radikal. Melalui *El Filibusterismo*, kita dapat lihat bahawa Rizal sudah mula meramalkan kedatangan revolusi ke negara Filipina jika penjajah Sepanyol tidak ingin merombak cara pentadbiran mereka yang rigid.⁶⁸ Novel ini melahirkan idea revolusi di kalangan muda Filipina. Rizal tidak menafikan percetusan sebuah revolusi, namun beliau sedar bahawa

⁶⁸ Eufronio M. Alip, op.cit., hlm. 101.

orang Filipina belum bersedia untuk melancarkan sebuah revolusi dari segi mental maupun fizikal.⁶⁹

Novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan orang Sepanyol. Bantahan daripada golongan pentadbir Sepanyol dan golongan paderi amat lantang. Jawatan kuasa yang dibentuk di Universiti Santo Tomas untuk mengkaji kandungan *Noli Me Tangere* mengisytiharkannya sebagai subversif dan anti order keagamaan.

"heretical, impious and scandalous in the religious order, and anti patriotic, subversive of pupil order, offensive of the government of Spain and to its method of procedure in these Islands in the political order."⁷⁰

Beberapa tindakan telah diambil terhadap Rizal dan juga novel yang telah ditulis oleh beliau. Pada 29 Disember 1887 pihak pentadbiran Sepanyol mencadangkan buku itu diharamkan di Filipina kerana ia akan menyemarakkan semangat kebencian kepada Sepanyol.⁷¹ Rizal terpaksa meninggalkan Filipina pada Februari 1888. Bukan itu sahaja sesiapa yang memiliki dan membaca karya-karya tersebut dikenakan hukuman. Pada tahun 1892 pula Rizal telah dibuang negeri ke Dapitan kerana dituduh sebagai pencetus revolusi dan akhirnya telah ditembak mati pada tahun 1896. Sebenarnya kematian Rizal juga berpunca daripada penulisan novel-novel tersebut.

Namun novel-novel beliau dikatakan adalah dua karya yang paling baik daripada orang Filipina. Dua buku tersebut bukan sahaja telah mencetuskan semangat kebencian

⁶⁹Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 159.

⁷⁰John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, Manila: Ateneo de Manila, University Press, 1997, hlm. 93.

⁷¹*Ibid.*, hlm. 94.

terhadap penjajah tetapi telah mendorong orang Filipina untuk menentang penjajah Sepanyol pada tahun 1896.

Dengan ini jelas dua karya tersebut menjelaskan keadaan sebenar Filipina di bawah penjajahan kejam Sepanyol dan menyedarkan orang ramai yang mereka ini ditindas dan seterusnya membangkitkan kesedaran nasional di kalangan orang-orang Filipina. "*As a novel, it has its notable literary defects, but as a work of political propaganda, it is powerful and moving.*"⁷²

Dapatlah dirumuskan bahawa Rizal menggunakan pena sebagai senjata utama beliau dalam mencetuskan kesedaran di kalangan rakyat. Penulisan beliau tidak tertumpu kepada satu-satu bidang sahaja.⁷³ Tidak salah jika kita katakan Rizal menggunakan segala artikel, surat khabar, novel yang ditulisnya sebagai medan pertempuran terhadap penjajah. Idea-idea beliau cukup revolusioner. Bagi beliau segala asas harus dipenuhi sebelum satu semangat nasionalisme yang jitu dapat diwujudkan. Kesedaran tentang penindasan, kemajuan dalam pendidikan, imansipasi wanita adalah perkara-perkara yang membangkitkan semangat nasionalisme Filipina. Di sinilah letaknya kehebatan Rizal dalam membangkitkan semangat nasionalisme, maka tidak hairanlah jika dikatakan penulisan beliau terutama novel-novel telah menjadi "...*it is a charter of nationalism.*"⁷⁴

Penduduk tempatan yang selama ini masih tercari-cari identiti mereka telah diberi panduan oleh Rizal melalui penulisannya. Mereka yang telah membaca hasil penulisan

⁷² John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-1895*, Washington D.C: Georgetown University, Microfilm, 1968, hlm. 180.

⁷³ Beliau menyentuh banyak perkara antara lain sejarah bangsa, kepentingan pendidikan, penindasan pihak penjajah, kezaliman golongan paderi, kealpaan golongan pendidikan serta dorongan kepada kaum wanita.

⁷⁴ John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 180.

beliau dapat merasakan bahawa orang yang dimaksudkan oleh Rizal adalah diri mereka sendiri dan merekalah yang harus bertindak untuk mengubah nasib bangsa. Bayangkan sekiranya tidak ada penulisan yang menggerakkan minda masyarakat tempatan seperti apa yang dihasilkan oleh Rizal sudah pasti perkembangan nasionalisme yang sudah sedia lewat itu akan lebih lewat lagi. Berlandaskan kesedaran inilah nasionalis dan penduduk tempatan telah menggembungkan tenaga dan mengatur langkah bersama untuk memperjuangkan kedaulatan Filipina. Tidak ada sesiapa yang dapat menafikan peranan Rizal dalam mencetuskan semangat nasionalisme.

Satu persoalan yang perlu dikemukakan adalah, sejauhmanakah penulisan-penulisan tersebut meresap ke dalam jiwa penduduk tempatan khasnya golongan kelas bawahan? Ini kerana banyak penulisannya adalah dalam bahasa Sepanyol. Adalah diketahui umum bahawa menjelang akhir pemerintahan Sepanyol, hanya lebih kurang 10 peratus sahaja penduduk tempatan yang dapat bertutur bahasa Sepanyol. Maka dapatlah dilihat di sini bahawa, penulisan Rizal, khasnya novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* adalah cukup terkenal dalam bahasa Sepanyol. Alangkah baiknya sekiranya beliau menghasilkan penulisan tersebut dalam bahasa Tagalog.

Agak menghairankan bahawa beliau banyak menekankan tentang penindasan rakyat bawahan tetapi penulisan pula disampaikan dalam bahasa yang tidak difahami mereka. Maka kita boleh membuat kesimpulan bahawa apa yang diharapkan oleh Rizal adalah untuk menyedarkan kepada golongan terpelajar tentang penindasan yang dialami oleh orang Filipina, khasnya kelas bawahan. Dengan ini beliau berharap dapat mengumpulkan mereka untuk turut serta membela nasib bangsa.

Selain daripada Rizal terdapat juga orang-orang Filipina lain seperti Marcelo H. del Pilar yang lebih dikenali sebagai Plaridel telah memperjuangkan untuk kepentingan bangsanya.⁷⁵ Selepas peristiwa 1872 keadaan menjadi kurang aktif dalam kegiatan nasionalis di Filipina. Namun masih terdapat sebilangan orang Filipina berjuang untuk menikmati kehidupan lebih baik dan keadilan undang-undang yang saksama. Gerakan dalam negeri sangat terhad dan terbatas oleh halangan daripada undang-undang tegas dan rejim ketat untuk mengadakan sebarang persatuan, perjumpaan awam dan kebebasan akhbar serta kebebasan bersuara. Semua ini menjadi faktor halangan dalam perkembangan propaganda. Namun pada tahun 1882, Marcelo H. del Pilar⁷⁶ telah bekerjasama dengan wartawan Sepanyol Francisco Calvo Munoz dan menerbitkan akhbar dwi bahasa (Sepanyol dan Tagalog) *Diariong Tagalog*. Ketika itu Gabenor Jeneral Fernando de Rivera adalah seorang liberal memberi kelonggaran dalam kebebasan akhbar. Marcelo del Pilar menggunakan kesempatan ini untuk menyuarakan pelbagai tuntutan pembaruan di samping menyedarkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat tempatan.⁷⁷ Tetapi akhbar ini hanya bertahan sehingga penghujung tahun kerana keadaan ekonomi yang merosot dan wabak penyakit serta bencana alam yang melanda ketika itu. “... *the typhoons are given as the cause for the death of Diariong Tagalog.*”⁷⁸

Selepas itu del Pilar teruskan pengajian dalam bidang perundangan. Pada masa yang sama dia terus menyebarkan sentimen nasional dan anti paderi di kalangan pelajar di

⁷⁵ Marcelo H. del Pilar, *Frailocracy in the Philippines*, {terjemahan oleh Leonor Agrava}, Manila : National Historical Institute, 1976, hlm. vii.

⁷⁶ Marcelo H. del Pilar - lahir pada 30 Ogos 1850 di provinsi Bulacan, belajar di Colegio de San Jose dan ketika itu berkenalan dengan Father Burgos. Pada tahun 1870 dia terpaksa menamatkan pengajian di Universiti Santo Tomas selepas pertengkaran dengan paderi kariah. Pada tahun 1878 menyambung lagi pengajian di Universiti Santo Tomas.

⁷⁷ John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 106.

⁷⁸ Surat Mariano Herbosa kepada Rizal, bertarikh 13 November 1882, dipetik daripada Letters Between Rizal and Family Members, *op.cit.*, hlm. 56.

la dan di Bulacan.⁷⁹ del Pilar sering mengadakan mesyuarat-mesyuarat secara rahsia untuk membincangkan isu-isu politik. Kefasihan dalam bahasa Tagalog menyebabkan orang yang datang mendengar ucapan beliau.⁸⁰ Beliau menjadi pelopor kebangkitan di ilos menentang kekejaman golongan paderi. Namun demikian, idea-idea liberal yang telah menimbulkan perasaan syak wasangka di kalangan pihak berkuasa Sepanyol dan orang-orang golongan paderi Sepanyol berhubung dengan kegiatan beliau. Kebebasan yang diberikan di Filipina, menyebabkan beliau dihantar ke Sepanyol pada tahun 1888 oleh pihak berkuasa Reformis di Manila untuk mengorganisasi dan memimpin gerakan propaganda.⁸¹ del Pilar diarahkan agar menuntut lebih banyak kebebasan bagi Filipina dari pihak berkuasa dalam *Cortes* di Sepanyol.⁸²

Gerakan Propaganda di Luar Negara

Memandangkan banyak sekatan dan halangan untuk mengadakan gerakan propaganda anti golongan paderi Sepanyol di Filipina, gerakan propaganda di luar negara bergerak dengan sangat aktif. Ia dimulai oleh orang Filipina yang dibuang negeri akibat insiden Cavite 1872 dan juga di kalangan pelajar yang pergi melanjutkan pelajaran ke luar negara. Banyaknya mereka berpusat di Madrid, Barcelona, Hong Kong, London, Paris dan bandar-bandar lain. Mereka ini mendirikan koloni-koloni Filipina dan sedikit sebanyak berpartisipasi dalam kegiatan memperjuangkan nasib bangsa. Gerakan propaganda di luar negara ini terbuka dan terus terang. Ini kerana di luar negara tiada sekatan untuk bersuara, memberikan peluang untuk menerbitkan akhbar dan organisasi berbanding dengan Filipina.

ctiviti anti golongan paderi Sepanyol del Pilar secara terbuka berlaku pada tahun 1884. Sila rujuk John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 107-127.

d., hlm. 107.
a S. Zapanta, *The Political Ideas of Marcelo H. del Pilar*, Quezon City : University of the Philippines, 1967, hlm. 96.
hibit 13, P.I.R., *op.cit.*

Mulai tahun 1880 pelajar Filipina terus bertambah di universiti-universiti di Sepanyol. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada golongan kaya dan kebanyakannya adalah daripada *principalia* dan *mestizo*. Secara umumnya golongan *principalia* dan kebanyakannya *mestizo* Sepanyol melihat diri mereka sebagai *peninsulares*,⁸³ manakala *mestizo* Cina melihat diri sebagai Filipina tempatan atau indio.⁸⁴ Walaupun mereka ini lahir di Filipina, pada masa ini masih kurang jelas mengenai konsep Filipina di kalangan pelajar-pelajar ini. Keadaan politik, agama dan keadaan pendidikan di Sepanyol mempengaruhi golongan muda Filipina di sini dari segi hala tuju kepada aspirasi nasionalistik mereka.⁸⁵

Antara mereka yang awal sampai di Sepanyol ialah adik-beradik Paterno, Pedro Alejandro dan Gregorio Sanciano.⁸⁶ Pendedahan kepada dunia luar mendorong Paterno untuk menerbitkan buku *Sampaguita* pada tahun 1880. Ia adalah buku pertama diterbitkan oleh golongan muda Filipina di Sepanyol.⁸⁷ Gregorio Sanciano menghasilkan karya yang lebih baik yang membincangkan rancangan pembangunan sosioekonomi bagi orang Filipina.⁸⁸ Karyanya dianggap sebagai yang awal dalam usaha menggambarkan nasionalistik orang Filipina.⁸⁹ Pada masa ini belum ada kegiatan secara kolektif.

Kegiatan secara kolektif di kalangan mereka hanya bermula selepas dikri 25 Jun 1881 yang dikeluarkan oleh Fernando de Leon y Castillo, iaitu Menteri Luar Sepanyol dari kerajaan liberal yang telah mengeluarkan dikri menamatkan monopoli tembakau di

⁸³ Bangsa Sepanyol dari negara Sepanyol.

⁸⁴ John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 20.

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Pedro Paterno ke Sepanyol pada tahun 1871 dan meneruskan pengajian falsafah theologi di Universiti Salamanca dan memperoleh ijazah undang-undang dari Universiti Madrid pada 1880. Sanciano juga memperoleh ijazah yang sama.

⁸⁷ Jose S. Arcilla, *Rizal and the Emergence of the Philippine Nation*, *op.cit.*, hlm. 189.

⁸⁸ Asas penting yang ditekankan ialah sistem kewangan yang kukuh dan perlu kemudahan infrastruktur. Tanpa kemudahan ini pertanian tidak akan maju di Filipina dan juga menekankan kepentingan pendidikan. *Ibid.*

⁸⁹ *Ibid.*, hlm. 191.

Filipina.⁹⁰ Penghapusan monopoli tembakau oleh kerajaan di Filipina memberi kesan positif kepada ekonomi Filipina. Ia dapat mengurangkan masalah penyalahgunaan kuasa dalam operasi monopoli tembakau. Ia juga melambangkan perkembangan pembaruan progresif liberal. Orang Filipina di Madrid pula telah mengadakan majlis untuk meraikan penghapusan monopoli tersebut dan dalam majlis itu Graciano Lopez Jaena⁹¹ menyampaikan ucapan terima kasih kepada kerajaan Sepanyol dan berasa bangga sebagai anak kepada *motherland* Sepanyol.⁹² Inilah pertama kali kemunculan orang-orang Filipina secara beramai-ramai di Sepanyol. Kesan daripada majlis itu di Barcelona, orang Filipina dan golongan principalia membentuk dengan sendiri Persatuan *Circulo Hispano-Filipino* pada tahun 1882.⁹³ Persatuan ini diasaskan oleh seorang principalia Filipina, Juan Atayde iaitu bekas pegawai tentera yang menetap di Madrid. Keahlian terdiri daripada kedua-dua orang Filipina tempatan dan *peninsulares* yang pernah tinggal di Filipina. Tetapi sehingga Rizal tiba, persatuan itu tidak lebih daripada suatu pertemuan sosial dan tidak melibatkan isu politik yang serius.⁹⁴

Pada September 1882 orang Filipina di Madrid telah bercadang menjadikan *Circulo* sebagai organisasi yang lebih serius dan mereka bersetuju untuk menerbitkan saluran sendiri iaitu *Revista del Circulo Hispano-Filipino*.⁹⁵ Kemunculannya menyebabkan wujud perbezaan di antara generasi muda dan tua. Ia segera menimbulkan pelbagai tanggapan yang berbeza. Ada yang menyatakan akhbar tersebut berunsur anti Sepanyol dan terlalu radikal dan ada yang berpendapat sebaliknya. Dengan ini jelas pada masa ini mereka tidak

⁹⁰ *Ibid.*, hlm. 201.

⁹¹ Graciano Lopez Jaena – Lahir di Jaro, Iloilo pada tahun 1856, pelajar perubatan dari Visayan. Berada di Sepanyol sejak tahun 1880 dan aktif dalam politik dan penulisan.

⁹² Jose S. Arcilla, Rizal and Emergency of the Philippine Nation, *op.cit.*, hlm. 201.

⁹³ John N. Schumacher, The Propaganda Movement, *op.cit.*, hlm. 31.

⁹⁴ Jose S. Arcilla, Rizal and the Emergence of the Philippine Nation, *op.cit.*, hlm. 202.

⁹⁵ *Circulo* diterbitkan dua kali seminggu. Keluaran pertama pada 29 Oktober 1882.

berani menentang Sepanyol secara radikal. Dengan itu tidak lama kemudian kedua-dua akhbar dan *Circulo* lenyap pada tahun 1883 kerana ahli-ahli bertindak keluar daripadanya.⁹⁶

Memandangkan tidak wujud perpaduan yang utuh di kalangan orang Filipina pada masa itu, perasaan nasionalisme yang wujud pada masa itu masih samar-samar dan hanya segelintir sahaja yang rela untuk menzahirkan pemikiran mereka melalui tindakan. Yang lain pula hanya sekadar menyertai perhimpunan tetapi masih tidak melibatkan diri dalam tindakan politik.

Selepas gagal usaha pertama untuk bertindak dalam organisasi di koloni Filipina, sebilangan mereka bertindak untuk menulis dalam akhbar di Sepanyol. Pada 8 Januari 1883 akhbar berkala *Los Dos Mundos* muncul sebagai usaha awal untuk menyampaikan hasrat orang Filipina.⁹⁷ Antaranya yang aktif adalah Lopez Jaena dan seorang *creole* Pedro de Govantes, Manuel Azcarraga dan Tomas del Rosario. *Los Dos Mundos* menjadi alat untuk menuntut persamaan bagi orang-orang Cuba, Puerto Rico, dan Filipina. Penulis Filipina hanya menuntut pembaruan seperti perwakilan dalam *Cortes*, sistem cukai dan sebagainya. Misalnya Pedro de Govantes pula menuntut perwakilan dalam *Cortes* untuk orang Filipina. Pada Julai 1883 Lopez Jaena pula mempersoalkan dan minta mengharamkan sistem cukai dan buruh paksa dan menghapuskan perbezaan stigma antara *mestizo* Sepanyol, *mestizo* Cina dan orang tempatan.⁹⁸ Tulisan-tulisan de Govantes lebih bertumpu kepada hal-hal ekonomi dan pentadbiran. Misalnya beliau mendesak agar cukai-cukai yang dikutip daripada sistem *polo* harus digunakan untuk kemajuan dan kepentingan

⁹⁶ John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 32.

⁹⁷ *Ibid.*, hlm. 40.

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 42.

orang tempatan. Hasil tulisan ini berkesan apabila sekolah-sekolah mula dibaikpulih, jalan raya dan jambatan dan lain-lain diperbaiki. Dapat dikatakan pendekatan de Govantes adalah sebagai reformis dalam pentadbiran manakala Lopez Jaena pula sebagai nasionalis yang lebih menumpukan kepada stigma inferiority yang terdapat dalam bangsa Filipina. Perbezaan ini menyebabkan wujud perpecahan dalam gerakan pembaruan untuk orang Filipina.⁹⁹ Tulisan Lopez Jaena bukan sahaja bersemangat tinggi dalam mempertahankan orang Filipina malah menentang secara keras golongan paderi Sepanyol dan pegawai Sepanyol di Filipina. Tetapi tulisan beliau tidak tentu arah. Walaupun tulisannya berjaya disiarkan dalam akhbar *Los Dos Mundos* ia tidak lengkap. Pada November 1884 Lopez Jaena menyiaran mengenai kawalan pendidikan oleh golongan paderi Sepanyol kepada orang tempatan. Pada masa ini *Los Dos Mundos* dirampas oleh kastam dan pengedaran akhbar ini disekat.¹⁰⁰ Dengan rampasan itu usaha propaganda mereka terbatas.

Akibat dari kegagalan itu, orang Filipina telah mengasaskan akhbar sendiri iaitu "*Espana en Filipinas*" pada tahun 1887 dengan pengarangnya ialah de Lete. Ia adalah akhbar reformis dan Lopez Jaena menganggap ia sangat jinak. Lopez Jaena juga memandang rendah akan tahap patriotisme de Lete. Ini kerana untuk Lopez Jaena, *mestizo* Sepanyol seperti de Lete tidak layak untuk mewakili kepentingan orang Filipina kerana mereka tidak akan bergiat secara berani. Dalam perkataan lain, ia menghalang keberkesanan propaganda. Faktor perkauman dalam koloni Filipina menjelaskan keberkesanan propaganda.¹⁰¹ Akhirnya faktor perkauman dan masalah kewangan menyebabkan akhbar ini mengalami kemerosotan. Kegagalan ini tidak melemahkan

⁹⁹ *Ibid.*, hlm. 43.

¹⁰⁰ *Ibid.*, hlm. 53.

¹⁰¹ Tuduhan Lopez Jaena ada kebenarannya kerana de Lete sebenarnya tidak menyangung Rizal dan sanggup memberarkan kritikan mengenai *Noli Me Tangere* disiarkan dalam akhbaranya. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 155.

semangat orang Filipina untuk meneruskan perjuangan mereka. Di mana keinginan untuk mendirikan sebuah organisasi untuk mewakili orang Filipina menjadi kenyataan dengan penubuhan persatuan “*La Solidaridad*” di Barcelona pada 13 Disember 1888.¹⁰²

Untuk menyebarkan idea-idea reformis, akhbar *La Solidaridad* (SOL) diterbitkan oleh golongan reformis pada 15 Februari 1889 dengan pengarang utamanya ialah Lopez Jaena.¹⁰³ Matlamat surat khabar SOL ialah untuk menyebarkan idea, fikiran dan mengutarakan aspek politik, kesusasteraan, pertanian, seni lukis dan sebagainya. Juga mengandungi cara-cara memperbaiki kehidupan dan mengatasi masalah serta memelihara kepentingan orang Filipina. Para kakitangan SOL meringkaskan objektif akhbar seperti berikut:

"Modest, very modest indeed are our aspirations. Our program is of the utmost simplicity: to fight all forms of reaction; to impede all retrogression, to hail and to accept all liberal ideas and to defend all progress; in a world, to be one more propagandist of all the ideals of democracy in the hope that these might hold sway over all nations here and across the seas."¹⁰⁴

Akhbar SOL berperanan sebagai alat kempen dan propaganda politik golongan reformis yang dipelopori oleh golongan *ilustrado* di Eropah dan kebanyakannya bertumpu di Sepanyol sehingga akhbar SOL itu sendiri dipanggil sebagai .¹⁰⁵

"*La Solidaridad* was a political propaganda paper with a liberal, reformist orientation dedicated to the task of fighting reaction in all its forms."¹⁰⁶

¹⁰²Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 150.

¹⁰³Dengan kedatangan Marcelo H. del Pilar ke Sepanyol pada tahun 1889, beliau mengambil alih pengurusan dan tugas editor akhbar SOL. Walaupun beliau meneruskan perjuangan gerakan pembaruan tetapi hasratnya tidak kesampaian kerana tuntutan orang Filipina tidak dilayan oleh Sepanyol. Oleh sebab negara Sepanyol sendiri menghadapi banyak masalah maka tidak dapat menunaikan semua tuntutan golongan reformis.

¹⁰⁴Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 151.

¹⁰⁵Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 166.

¹⁰⁶Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 151.

Sungguhpun sekatan yang ketat dikenakan untuk kebebasan akhbar di Filipina, tetapi akhbar SOL berjaya diseludup ke Filipina. Misalnya pada Oktober 1889, pihak pengurusan SOL di Barcelona terkejut dengan sebelas bungkusan akhbar tersebut berada di Manila.¹⁰⁷ Semasa kempen propaganda di Eropah, golongan reformis telah menekankan persamaan hak politik dan hak sivil antara orang Filipina dan Sepanyol. SOL 31 Mei 1889 telah memuatkan tujuan golongan reformis tersebut seperti "*The Filipinos aspire to no more than the principles and laws of the Mother Country be affectively applied in Filipinas.*"¹⁰⁸

Penulis SOL juga mendakwa golongan paderi Sepanyol menjadi punca dan penghalang serta musuh kepada kelahiran kesedaran dan kempen pembaruan liberal. Di samping semua kritikan dan aduan, matlamat gerakan propaganda ialah masih kekal ke arah asimilasi. Sebab itu juga mereka menuntut perwakilan Filipina dalam *Cortes* Sepanyol.¹⁰⁹

Akhbar SOL ini juga dikatakan yang paling banyak mendedahkan keadaan sebenar Filipina kepada masyarakat di Sepanyol. Akhbar ini berfungsi sebagai jurucakap bagi pihak masyarakat Filipina dalam hasrat mereka untuk memperbaiki keadaan-keadaan di negara mereka. Di samping itu, unsur liberalism dan demokrasi amat dititikberatkan. Melalui penerbitan akhbar seperti ini, orang Filipina dapat mengemukakan aspek-aspek kekejaman Sepanyol dan pemerintahan tidak adil golongan paderi.¹¹⁰

¹⁰⁷ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 122.

¹⁰⁸ *Ibid.*, hlm. 119.

¹⁰⁹ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 151.

¹¹⁰ *La Solidaridad* juga memuatkan karya-karya penulis seperti tulisan adik-beradik Luna (Antonio & Juan), Mariano Ponce, Pardo de Tavera, Graciano Lopez Jaena, Eduardo de Lette, del Pilar dan lain-lain lagi. Pedro A. Paterno (1857-1911) merupakan seorang penulis yang banyak menulis tentang sejarah Filipina sehingga beberapa jilid dengan harapan tulisan tersebut dapat menarik perhatian orang luar kepada Filipina. Sila rujuk Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of the Philippines*, *op.cit.*, hlm. 100.

2.7 Keberkesanan Perjuangan Pasif

Menilai kembali gerakan nasionalisme Filipina dari tahun 1881-1896, didapati gerakan pasif yang ditonjolkan oleh Rizal itu banyak berpusat di Eropah. Tahap kejayaannya adalah agak kompleks. Satu penghalang besar dalam gerakan pasif yang dilancarkan melalui pertubuhan-pertubuhan adalah perbezaan matlamat, pendapat dan cara sesuatu matlamat itu harus dicapai.

Matlamat golongan nasionalis pada peringkat ini yang ingin mengasimilasikan diri dengan Sepanyol juga mencapai kegagalan. Ini kerana pihak Sepanyol masih melihat orang Filipina sebagai satu bangsa yang dijajah. Contoh berikut boleh dijadikan bukti mengapa asimilasi tidak berlaku. Misalnya, dalam kod sivil, kebenaran untuk perkahwinan sivil ditarik balik.¹¹¹ Ini memberi gambaran bahawa, Filipina tidak ditadbir oleh undang-undang dari Sepanyol tetapi oleh satu undang-undang khas. Yang lebih penting lagi keadaan-keadaan asas untuk penglibatan penduduk tempatan dalam aspek politik masih tidak wujud. Kebebasan akhbar, kebebasan untuk menubuhkan persatuan dan memiliki kerakyatan Sepanyol, hak perwakilan di parlimen, hak sivil dan politik untuk orang tempatan tidak banyak berubah dari awal hingga akhir gerakan propaganda yang dilancarkan. Dari sudut-sudut inilah asimilasi dikatakan gagal dan hasrat orang Filipina untuk mendapatkan layanan sama seperti orang Sepanyol boleh dikatakan terus terkubur. Dengan ini jelas konsep *motherland* yang diperjuangkan oleh Rizal yang melihat Sepanyol sebagai *motherland* tidak berjaya.

¹¹¹ John N. Schumacher, *The Propanganda Movement 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 296.

Kempen Propaganda untuk mengadakan pembaruan tidak membawa sebarang hasil yang mutlak atau perubahan-perubahan dalam pentadbiran negara Filipina. Gerakan propaganda gagal mencapai apa jua matlamat yang digariskan sewaktu pelancarannya. Walaupun mereka berjaya menyebarkan khabar tentang masalah orang Filipina di negara Sepanyol tetapi orang Sepanyol tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut kerana negara Sepanyol sendiri menghadapi pelbagai masalah dalam. Oleh sebab semua kempen pembaruan ditujukan kepada negara Sepanyol, orang Sepanyol langsung tidak mempedulikannya.¹¹² Lagi pula kebanyakan kegiatan golongan reformis bertumpu di luar dari Filipina. Walaupun jawatankuasa di Manila menyokong kempen propaganda tetapi tiada sebarang kegiatan atau program untuk melibatkan orang Filipina di Kepulauan. Ini adalah kerana gerakan propaganda dipelopori oleh golongan *ilustrado*, maka dengan ini tiada penglibatan dan peranan daripada rakyat biasa.¹¹³

Secara tidak langsung boleh dikatakan, golongan *ilustrado* yang menyokong gerakan propaganda ini bertanggungjawab untuk kegalalannya. Ini kerana melalui golongan ini pihak Sepanyol hanya berpeluang melihat rakyat Filipina yang hidup dengan penuh keselesaan. Jadi, orang sepanyol tidak memahami penderitaan sebenar yang dialami di Filipina kerana hakikat ini tidak disaksikan oleh mereka.

Golongan paderi pula tidak menyokong *La Solidaridad*. Mereka juga menerbitkan surat khabar sendiri iaitu *La Politica de Espana en Filipinas* (Politik Sepanyol di Filipina). Dalam akhbar ini, mereka hanya memberikan satu gambaran yang baik mengenai keadaan di Filipina. Keadaan-keadaan ini menyebabkan orang Sepanyol berasa sangsi apabila

¹¹² Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 192.

¹¹³ *Ibid.*

membaca penulisan-penulisan golongan *ilustrado* sama ada ini hakikat sebenar atau hanya rekaan imaginasi penulis.

Cara pemikiran golongan *ilustrado*, bahasa Sepanyol yang digunakan, jarak yang jauh di antara Sepanyol dan Filipina serta sekatan kebebasan di Filipina telah menghadkan keberkesanan gerakan propaganda di Filipina.¹¹⁴ Keadaan tersebut sudah tentulah lebih merumitkan kegiatan gerakan propaganda dalam mencapai matlamat ke arah asimilasi Filipina sebagai salah satu provinsi Sepanyol.

Dewasa itu juga tidak ada satu pertubuhan tempatan untuk menyebarkan pengetahuan pembaruan di Manila. Mereka hanya membaca tulisan dari luar negara. Juga tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pada masa itu pemikir pembaruan (reform-minded) dan juga digelar sebagai *filibusters* menyertai atau menubuhkan pertubuhan politik. Walaupun wujud persatuan, misalnya persatuan rahsia seperti Freemason, tetapi gerakan masonik itu terhad kepada perjuangan liberalisme Sepanyol.¹¹⁵ Selain itu, gerakan propaganda ini juga terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan yang berasingan seperti SOL. Jadi walaupun matlamat mereka mungkin mempunyai persamaan tetapi pertubuhan-pertubuhan ini bergerak dalam haluan yang berbeza. Mereka tidak mempunyai persamaan dari segi strategi.

Di samping itu pertubuhan-pertubuhan di Filipina gagal mendapat bantuan kewangan yang mencukupi untuk membiayai dan menjalankan kegiatan propaganda mereka. Di samping itu golongan propaganda itu sendiri terbahagi antara satu sama lain. Mereka tidak sehaluan kerana perasaan cemburu timbul antara mereka. Kebanyakkan ahli-

¹¹⁴ *Ibid.*, hlm. 192.

¹¹⁵ *Ibid.*, hlm. 194.

ahli pula sangat konservatif kerana tidak mempunyai keberanian dan hasrat untuk melanjutkan perjuangan mereka.

Selain masalah ini, ketidaksefahaman di kalangan pemimpin-pemimpin gerakan juga telah menyumbangkan kepada kegagalan. Misalnya wujud perselisihan faham di antara Rizal dan del Pilar.¹¹⁶ Perbezaan di antara Rizal dan del Pilar adalah dari segi prosedur dan idea mereka. Rizal adalah seorang reformis yang tidak menyokong idea-idea yang radikal. del Pilar pula, pada mulanya adalah seorang yang menegaskan reformis tetapi beliau berpandangan radikal. Percanggahan pendapat dan idea seumpama ini telah melemahkan gerakan propaganda.

Tahun 1891 dan 1892 iaitu waktu krisis kepimpinan antara del Pilar dan Rizal dianggap sebagai titik tolak dalam perkembangan gerakan propaganda. Jawatankuasa propaganda di Manila telah dipaksa dibubarkan sebagai langkah percubaan di Madrid untuk menggagalkan kepimpinan Rizal di koloni Filipina.

"The propaganda committee in Manila was forced to dissolve as a result of the attempt in Madrid to dispute or destroy Rizal's leadership of the Filipina Colony. The new committee wrote off del Pilar and the SOL."¹¹⁷

Pada masa yang sama berita tersiar luas terutamanya sejak 1892 yang mana gerakan propaganda telah gagal dan tidak berjaya mendapat sebarang perhatian daripada kerajaan Sepanyol. Selain itu, pada akhir tahun 1880an juga ramai pelajar muda yang belajar di

¹¹⁶ Apabila Rizal tiba di Sepanyol dalam bulan Ogos 1890, beliau mendapati kegiatan propaganda sedang giat berjalan di bawah pimpinan del Pilar. Sekumpulan penduduk Filipina di Madrid telah mengambil keputusan memilih seorang presiden untuk mewakili mereka. del Pilar telah dipilih sebagai presiden ekoran berita yang disebarluaskan oleh segelintir orang bahawa Rizal telah menolak tawaran itu. Sebenarnya pemilihan ini tidak diketahui oleh Rizal dan perkara ini dikatakan menimbulkan permusuhan antara kedua-dua pemimpin tersebut. Sila rujuk Renato Constantino, *The Philippines :A Past Revisited*, op.cit., hlm. 153.

¹¹⁷ Onofre D. Corpuz, *The Roots of Filipino Nation*, Vol. II, op.cit., hlm. 195.

Madrid telah tamat pengajian pulang ke Filipina.¹¹⁸ Dengan itu, ahli reformis di Sepanyol semakin berkurangan. Keadaan ini melemahkan lagi perjuangan gerakan propaganda.

Rizal yang sedar akan kelemahan dalam gerakan propaganda telah bertindak meninggalkan Sepanyol dan kembali ke Filipina pada 26 Julai 1892.¹¹⁹ Beliau juga menyedari hakikat bahawa untuk mendapat impak yang baik dalam perjuangan, ia tidak harus berlaku di luar dari Filipina. Pada masa yang sama beliau juga ingin mengubah corak gerakan propaganda dengan lebih efektif. "*He thought the current campaign was too reformist, not "vigorous enough," so that he had decided that he would eventually go home and wage a "stronger crusade".*"¹²⁰ Sungguhpun Rizal kecewa dengan kegagalan propaganda, beliau masih berharap propaganda akan mendatangkan hasil.¹²¹

Rizal sedar melalui penulisan sahaja tidak memadai untuk mengubah pemikiran masyarakat. Ini kerana masyarakat tidak boleh diharap untuk mengubah sikap dan bertindak mengikut apa yang dihasilkan oleh Rizal melalui penulisannya. Cara terbaik untuk menyatukan rakyat dan seterusnya menyuarakan kepentingan mereka adalah dengan menubuhkan pertubuhan-pertubuhan dan persatuan untuk menuntut pembaruan daripada Sepanyol, mereka perlu mendapat sokongan padu dari rakyat. Apabila rakyat berstu-padu, kerajaan Sepanyol akan terpaksa melaksanakan pembaruan.¹²² Untuk itu rakyat mestilah bekerjasama. Dengan kata lain pertubuhan-pertubuhan ini akan menjadi satu saluran penyatu yang seterusnya dapat menyuarakan hasrat penduduk tempatan secara kolektif dan

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, *op.cit.*, hlm. 208.

¹²⁰ *Ibid.*, hlm. 206.

¹²¹ *Ibid.*, hlm. 204.

¹²² Nicholas P. Cushner, *Spain in the Philippines*, *op.cit.*, hlm. 226.

nyata. Atas kesedaran inilah Rizal tidak menghadkan usaha reformasinya melalui penulisan sahaja. Penglibatan beliau dalam pengasasan serta pembentukan matlamat persatuan yang penting merupakan satu lagi sumbangan Rizal yang diakui. Penubuhan persatuan *La Liga Filipina* adalah satu bukti kukuh yang menerangkan perkara ini.

Pada 3 Julai 1892 Rizal telah menubuhkan persatuan rahsia *La Liga Filipina* dengan dihadiri 33 orang termasuk Andres Bonifacio. *La Liga*¹²³ ditubuhkan untuk mencapai hasrat pembentukan komuniti nasional. Beberapa sifat akan disemai di kalangan masyarakat tempatan melalui *La Liga* ini yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan komuniti nasional. Rizal juga ingin membentuk satu komuniti baru yang tidak sama dengan komuniti yang sedia wujud pada masa itu iaitu komuniti kolonial atau komuniti kristian.¹²⁴ Dapatlah dirumuskan bahawa Rizal lebih berminat untuk menyatukan penduduk tempatan. Masyarakat baru ini ingin dibentuk dengan pembentukan beberapa elemen ekonomi, moral dan hubungan sosial di kalangan ahli-ahlinya. Telah diumumkan bahawa matlamatnya adalah "*to unite the whole archipelago into a compact body, vigorous and homogenous body.*"¹²⁵ Ini menggambarkan hasrat untuk menyatupadukan penduduk tempatan yang selama ini kuat dengan sentimen regionalistik.

Penggunaan perkataan "Filipina" sudah memberi gambaran jelas bahawa matlamat yang ingin dicapai adalah kesedaran kebangsaan. *La Liga* berhasrat untuk memberi 'rangsangan terhadap pendidikan', jelaslah hasrat untuk membentuk satu ideologi

¹²³ *La Liga Filipina* ditubuhkan di Tondo di rumah seorang mestizo Cina Doroteo Ongiunco. Sila rujuk Exhibit 13, P.I.R., *op.cit.*

¹²⁴ Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 35.

¹²⁵ Salvador Araneta, *op.cit.*, hlm. 58.

kebangsaan melalui sistem pendidikan. Peranan utama golongan agama dalam pendidikan dipersoalkan. Paderi-paderi diminta mengubah teknik pengajaran mereka.¹²⁶

Bagi mencapai matlamat *La Liga*, tiga badan organisasi diwujudkan iaitu Majlis Tertinggi, Majlis Perbandaran dan Majlis Kepopularan. Rizal juga ingin menubuhkan cawangan-cawangan *La Liga* di setiap bandar. Ahli-ahli perlu menyimpan rahsia dan bergerak secara sulit. Namun pergerakan *La Liga* telah sampai ke pengetahuan penjajah Sepanyol. Gabenor Jeneral telah mengarahkan menyiasat kegiatan mereka. *La Liga* dianggap sebagai suatu pertubuhan yang berbahaya kepada pentadbiran penjajah Sepanyol.¹²⁷ Pihak Sepanyol berjaya mengesan gerakan tersebut dan menjumpai beberapa tulisan berbentuk hasutan dan novel *El Filibusterismo*.¹²⁸ Dengan itu, pada 7 Julai, Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan.¹²⁹ *La Liga* tidak berjaya dalam perjuangan mereka berikutan penangkapan Rizal oleh Sepanyol.

Dengan penangkapan Rizal, pada hari yang sama telah ditubuhkan sebuah perstuan rahsia bersifat revolusioner Katipunan oleh Bonifacio. Namun ahli-ahli reformis yang kebanyakannya terdiri daripada golongan *ilustrado* cuba menghidupkan kembali *La Liga* dan Bonifacio merupakan salah seorang dari golongan massa yang terlibat dalam projek tersebut.¹³⁰ Walaupun Bonifacio telah menubuhkan Katipunan tetapi beliau masih memainkan peranan dalam *La Liga* khasnya dalam merekrut ahli-ahli dari golongan massa ke dalam *La Liga*. Pada tahap ini *La Liga* dan Katipunan beriringan dalam

¹²⁶ Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 37.

¹²⁷ Exhibit 13, P.I.R., *op.cit.*

¹²⁸ Teodoro A. Agoncillo, *A Short History of the Philippines*, New York : The New American Library, 1969, hlm. 75.

¹²⁹ Exhibit 13a, "Dikri Pembuang Rizal dari Manila", bertarikh 7 Julai 1892, P.I.R., (n.p.).

¹³⁰ Usaha golongan reformis untuk menghidupkan kembali *La Liga* tidak bertahan lama. Antara pemimpin dari golongan *La Liga Filipina* yang cuba menghidupkan kembali *La Liga* ialah Arellano (adik ipar del Pilar). Golongan reformis ini hanya menggunakan *La Liga* sebagai alat untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi menyokong perjuangan *La Solidaridad* di Madrid. Tetapi mereka tidak sedar yang tujuan penubuhan *La Liga* adalah ekoran daripada kegagalan perjuangan *La Solidaridad*.

memperjuangkan tuntutan mereka, sehingga tiba ke satu peringkat di mana Katipunan mula menonjol sebagai persatuan nasionalisme yang unggul dan tiada tolok bandingnya.¹³¹ Malah peranan Katipunan begitu ketara sehingga keseluruhan aktiviti nasionalisme dikaitkan dengan tindak-tanduk Katipunan. Apabila mendapati ramai golongan massa cuba menyertai *La Liga*, golongan reformis khuatir akan pengaruh radikalisme dan bertindak untuk membubarkan *La Liga*. Dengan ini jelas terbukti perjuangan pasif tidak berjaya dalam mencapai matlamat mereka.

Namun begitu golongan pasif telah berjaya menuntut beberapa perkara daripada pihak Sepanyol. Pada tahap ini monopoli tembakau telah dimansuhkan, sistem ufti yang menjadi lambang pertuanan Sepanyol telah dimansuhkan, buruh wajib dan kerja-kerja awam telah dikurangkan. Satu sistem pendaftaran awam telah diperkenalkan, juga pendaftaran harta benda, undang-undang pajakan serta langkah-langkah untuk mendapatkan gelaran tanah dan untuk memperkembangkan pertanian juga diperkenalkan. Sistem undang-undang Sepanyol juga dibawa ke Filipina. Pendidikan sekolah rendah, latihan perguruan dan pendidikan sekolah menengah dan universiti semuanya telah dipertingkat dan dimajukan. Kerajaan-kerajaan perbandaran dan sistem perundungan perbandaran juga dibentuk dan seterusnya memberi hala tuju kepada orang Filipina untuk meneruskan hal ehwal mereka sendiri.¹³²

Peranan langsung reformis Filipina di Eropah terhadap perubahan-perubahan tersebut sukar ditentukan walaupun begitu adalah diakui bahawa penulisan dan aktiviti mereka di Sepanyol banyak menyentuh masalah-masalah orang Filipina. Ini telah

¹³¹ Akan dibincangkan dalam bab 3.

¹³² John N. Schumacher, *The Propaganda Movement 1880-1895*, *op.cit*, hlm. 296.

mempercepatkan proses reformasi. Walaupun begitu asimilasi dalam erti kata sebenar boleh dikatakan tidak wujud, kerana kawalan-kawalan oleh kerajaan masih berlaku. Walaupun propaganda tidak mencapai matlamat asas, namun kegiatan dan kehidupan golongan propaganda telah memberikan impak yang mendalam kepada orang Filipina. Gerakan propaganda juga memberi kesan yang mendalam dalam perkembangan politik dan sejarah Filipina.

Jika golongan reformis tinggal di Filipina mereka mungkin berjuang untuk perubahan sosial dan politik serta menentang golongan paderi dan rejim sivil atau menjadi pemberontak. Oleh kerana mereka telah meninggalkan Filipina maka tegangan di Filipina tidak dirasai dan ini telah melambatkan revolusi. Namun gerakan pembaruan berjaya membangkitkan kesedaran nasionalisme.

"The reform movement, through unsuccessful in securing the needed reforms in the Philippines, nevertheless started a wave of a nationalistic feeling in the colony."¹³³

Menilai kembali gerakan nasionalisme Filipina tahap pasif, peranan Jose Rizal tidak dapat dinafikan. Usaha serta tindakan beliau untuk menyatukan penduduk Filipina adalah hasrat murni seorang tokoh yang ingin melihat bangsanya sendiri menyedari bahawa mereka adalah satu bangsa yang ditindas. Penulisan-penulisan Rizal banyak menekankan pembaruan-pembaruan yang ingin dilihatnya. Hasrat beliau untuk melihat kemunculan satu national community terus menebal. Anggapan bahawa pendidikan adalah teras untuk kemajuan juga ditekankan. Novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* telah menggegarkan golongan *ilustrado* dan menimbulkan sifat gementar di kalangan paderi Sepanyol dan pentadbir Sepanyol.

¹³³ Teodoro A. Agoncillo, *A Short History of the Philippines*, *op.cit.*, hlm. 75.

Gerakan propaganda yang dipeloporinya telah membawa pembaruan yang amat ketara. Beliau yang telah dibantu oleh rakan-rakannya yang lain telah berusaha bersungguh-sungguh untuk melihat pemberian hak yang sama rata antara orang Filipina dan Sepanyol. Namun begitu hasrat ini tidak tercapai, Sepanyol tetap melihat Filipina sebagai bangsa yang dijajah.

Adalah tidak salah sekiranya Rizal berpegang teguh kepada prinsip pasif dalam tuntutannya. Tetapi yang menjadi persoalan adalah kenapakah beliau tidak mengubah corak penentangan terhadap Sepanyol walaupun menyedari beliau gagal dalam usaha untuk menuntut persamaan hak. Novel-novel dan penulisannya banyak menggambarkan kebencian terhadap penjajah Sepanyol tetapi dari segi praktik pula, beliau tidak meluahkannya melalui tindakan. Beliau sebenarnya adalah seorang anti-revolusi. Kita Dapat lihat pendapat Rizal mengenai revolusi dalam penulisannya. Ibarra dalam novel *Noli Me Tangere* menyatakan beliau tidak akan menjadi orang yang akan menyertai pergerakan yang menggunakan kekerasan dalam membuat tuntutan terhadap kerajaan. Dalam masa yang sama Father Florentino menyatakan kepada Simoun (*Noli Me Tangere*) bahawa beliau tidak akan mencari keadilan menerusi hujung pedang kerana cara ini sudah lapok dan tidak sesuai dengan keadaan moden yang sedang dilalui.¹³⁴ Dalam situasi benar, Rizal yang ditahan di Fort Santiago pada Disember 1896 menyatakan, "I was convinced that the idea of revolution was in the highest degree absurd, and what is worse, disastrous for us."¹³⁵

¹³⁴ Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 99.
¹³⁵ Ibid.

Selain itu Rizal juga dikatakan sering memetik kata-kata Bismarck, "Blood is a costly liquid. God has not intended it to be shed in order to realize political ideas."¹³⁶ Inilah gambaran bahawa Rizal bukanlah seorang revolucionis.¹³⁷

Dalam perjumpaan dengan Pio Valenzuela,¹³⁸ Rizal menolak revolusi. Tetapi sekiranya berlaku juga, beliau mencadangkan Antonio Luna sebagai pemimpinnya. Pada tahap ini Rizal seolah-olah bersifat anti revolusi. Tetapi pendiriannya bersyarat iaitu penduduk tempatan harus bersedia dari segi militari dan mestilah ada pemimpin yang sesuai.¹³⁹ Apabila Revolusi berlaku juga, Rizal mengecam tindakan tersebut yang membelakangkan hasrat ramai.

Walaupun begitu gerakan revolusi yang diteruskan selepas itu adalah satu kesinambungan terhadap kegagalan Rizal dalam gerakan pasifnya. Sejarah tidak akan melupakan sumbangannya Rizal dalam menyatukan rakyat serta penulisannya yang membuka mata penduduk Filipina tentang kekejaman Sepanyol. Kemunculan Rizal dalam sejarah Filipina dianggap sumbangannya yang penting kerana beliau menjadi pelopor kepada perkembangan idea nasionalisme di Filipina. Menurut Onofre D. Corpuz, orang Filipina terhutang budi kepada Rizal kerana kesucian semangat patriotisme yang konsisten.¹⁴⁰ Dengan sebab itu Rizal dianggap sebagai "*Father of Filipino Nationalism*".¹⁴¹

Gerakan serta pertubuhannya telah memberi inspirasi kepada nasionalis-nasionalis selepas itu. Gerakan propaganda juga telah menyumbangkan pengetahuan politik di

¹³⁶ Jose A. Arcilla, *Rizal and the Philippine Colonial Problem*, op.cit., hlm. 10.

¹³⁷ Leopoldo Y. Abdes, op.cit., hlm. 99.

¹³⁸ Pio Valenzuela – seorang berkelulusan doktor dan merupakan salah seorang daripada pengasas pertubuhan radikal Katipunan.

¹³⁹ Leopoldo Y. Abdes, op.cit., hlm. 102.

¹⁴⁰ Onofre D. Corpuz, *Rizal : The First Filipino*, op.cit., hlm. 1.

¹⁴¹ Esteban A. De Ocampo, op.cit., hlm. 25.

kalangan golongan muda di Manila seperti Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo. Nasionalisme Filipina berkembang secara evolusi dari tahap pembaruan kepada tahap radikal dan akhirnya menjadi revolusi. Maksudnya gerakan pembaruan secara keamanan gagal dan telah membawa kepada radikal akhirnya.

"In the process, the radicalization of some of the *ilustrados* and the politicization and inspiration of non-*ilustrado* men promoted the evolution of Filipino nationalism, from reformism through radicalism to revolution. Finally, the propaganda affected political events."¹⁴²

Akhirnya kempen pembaruan secara keamanan mengalami kegagalan untuk mencapai matlamat mereka. Dengan kegagalan gerakan propaganda yang diterajui oleh golongan *ilustrado* telah memberi peluang kepada golongan massa khasnya dibawah pimpinan Andres Bonifacio untuk meneruskan perjuangan. Golongan *ilustrado* hanya memperjuangkan pembaruan dan bukan untuk menggulingkan rejim Sepanyol tetapi golongan massa hilang keyakinan terhadap perjuangan golongan *ilustrado*, bertindak secara radikal untuk mendapatkan pemisahan mutlak daripada Sepanyol. Dengan ini menunjukkan peralihan perjuangan nasionalisme pasif daripada kelas pertengahan kepada perjuangan aktif di bawah golongan massa. Dengan itu mula era baru dalam kempen patriotik di Filipina di mana golongan massa menjadi radikal dan membawa idea revolusi.

Namun dalam membicarakan konsep *motherland*, perjuangan golongan pasif ini jelas lebih cenderung ke arah Sepanyol. Di mana mereka masih melihat Sepanyol sebagai *motherland* mereka. Ini sedikit sebanyak menimbulkan persoalan tentang perjuangan mereka. Apakah golongan ini beranggapan bahawa Filipina tidak dapat berdiri sendiri sebagai sebuah negara yang berdaulat? Adakah mereka mempunyai tanggapan bahawa

¹⁴² Ibid., hlm. 193.

proses penyatuan dengan negara Sepanyol adalah langkah pertama ke arah menuntut kerajaan sendiri?

Daripada penulisan yang dibuat jelas bahawa golongan nasionalis tahap pasif terlalu dibelenggu oleh pengaruh barat serta terpegun dengan idea serta prinsip-prinsip politik negara barat. Dengan kata lain Sepanyol akan menjadi pusat segala tindakan mereka dalam memperjuangkan hak-hak negara Filipina. Pada masa yang sama adalah sukar untuk membuat andaian bahawa segala tindakan mereka yang inginkan penyatuan dengan Sepanyol sebagai satu proses awal untuk menuntut kerajaan sendiri. Bayangkan sekiranya pihak kerajaan memenuhi segala apa yang dituntut oleh golongan nasionalis ini dan telah berlaku asimilasi yang kukuh antara Sepanyol dengan Filipina, bagaimanakah pula mereka hendak menuntut kemerdekaan? Pada pendapat saya, walaupun kesedaran telah timbul untuk mengasimilasikan diri dengan negara Sepanyol dan bangsa Sepanyol, tetapi ia adalah gambaran kecetekan konsep nasionalisme yang diperjuangkan. Ia seolah-olah memberi gambaran bahawa nasionalis Filipina berkeyakinan untuk mendapat persamaan dalam semua aspek daripada satu kuasa penjajah yang terletak beribu-ribu batu daripada Filipina yang berlainan bangsa serta memiliki ciri-ciri kebudayaan yang cukup berbeza dari negara Filipina itu sendiri.

Dengan ini jelaslah bahawa kepercayaan serta hasrat untuk menyatukan Sepanyol dan Filipina yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis tahap pasif ini mempunyai kelemahannya. Adalah hampir mustahil untuk mencapai persamaan-persamaan yang dituntut oleh mereka. Identiti bangsa, corak kebudayaan serta masa depan negara dan rakyat Filipina benar-benar tercabar dengan matlamat-matlamat yang mereka

memperjuangkan. Nasionalis yang benar-benar memperjuangkan *motherland* seharusnya berusaha untuk membebaskan negaranya daripada cengkaman penjajah dan berusaha mendapatkan kemerdekaan. Apa yang diperjuangkan haruslah kedaulatan negaranya sendiri. Di sinilah terletaknya kelemahan nasionalis pasif ini dan kebijaksanaan kumpulan selepas mereka, yang diterajui oleh Andres Bonifacio yang telah memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan di atas.

Kegagalan golongan pasif ini sebenarnya telah menjadi pengajaran serta panduan kepada golongan nasionalis yang bersifat revolusioner itu. Namun begitu tidak dapat dilupakan peranan Rizal yang telah meletakkan batu asas dalam perkembangan nasionalisme di Filipina. Beliau telah menyedarkan rakyat bahawa mereka adalah bangsa Filipina tanpa mengira faktor geografi serta bahasa mereka. Perkara ini amat penting dalam menentukan hala tuju perkembangan nasionalisme di Filipina pada tahap-tahap yang berikutnya. Kesedaran yang dicetuskan oleh Rizal memudahkan pemimpin-pemimpin seperti Anfres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo untuk meneruskan perjuangan mereka tanpa banyak memberi penekanan kepada aspek penyatuan penduduk. Ia telahpun dimulakan oleh Rizal. Dapatlah dirumuskan, Rizal menjadi pencetus kesedaran nasionalisme di Filipina. Manakala tokoh-tokoh lain meneruskan aktiviti tersebut walaupun mereka mempunyai pendekatan yang berbeza. Disebabkan kegagalan perjuangan secara pasif telah bermula suatu era baru dalam perkembangan nasionalisme Filipina iaitu era radikalisme di bawah tokoh Andres Bonifacio.